

# Pelajar Melayu enggan baiki kelemahan ditegur

Oleh FAUZIAH AROF

UTRAJAYA 10 Ogos — Tun Dr. Mahathir Mohamad menegur sikap segelintir pelajar Melayu yang enggan memperbaiki kelemahandiri walaupun sedar mereka mempunyai banyak kekurangan berbanding pelajar kaum lain.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pelajar-pelajar Melayu bukan tidak boleh memperbaiki diri mereka tetapi tidak berminat untuk berbuat demikian.

“Mereka ini tidak mahu bekerja keras dan tidak berusaha besungguh-sungguh memperbaiki diri.

“Kita boleh lihat, ramai pelajar Melayu tidak pulang terus ke rumah untuk membuat kerja-kerja rumah yang diberikan oleh guru. Mereka ini sebaliknya pergi ke pusat membeli-belah,” katanya pada sesi dialog dengan pelajar-pelajar Sekolah Alam Shah, di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau melancarkan Bulan Patriotisme dan pengiktirafan *jigsaw puzzle* terbesar di Malaysia oleh pelajar-pelajar sekolah itu.

Turut hadir isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

## Berhibur

Dr. Mahathir berkata, segelintir pelajar Melayu lebih suka menghabiskan masa dengan berhibur sehingga tidak menghiraukan pelajaran.

“Malam-malam pula tengok *Akademi Fantasia (AF)*. Bukan maksud saya untuk memperkecilkan Mawi, saya ucap tahniah pada dia.

“Tetapi pelajar Melayu kita tengok *AF* sampai tidak boleh buat kerja lain. Jari asyik bergerak-gerak hantar khidmat pesanan ringkas (SMS) tetapi otak tak bergerak,” katanya.

Jika *AF3* disambung semula, beliau berharap agar *AF4* diadakan dengan lebih ‘berpada-pada’.

Sehubungan itu, beliau meminta pelajar Melayu lebih berminat untuk memperbaiki diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan.

“Saya yakin pelajar-pelajar Melayu mempunyai kemahiran yang tinggi termasuk boleh bersaing dengan pelajar-pelajar asing tetapi mereka perlu mempunyai minat untuk berusaha menguasai ilmu itu,” katanya.

*Jigsaw puzzle* terbesar yang mendapat pengiktirafan *The Malaysian Book Of Records* diperbuat daripada papan lapis.

Ita dihasilkan oleh 68 orang pelajar tingkatan empat sekolah tersebut dan kerja-kerja pembinaannya bermula sebulan yang lalu.

*Jigsaw* itu memaparkan gambar Perdana Menteri Malaysia Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra yang juga Bapa Kemerdekaan Malaysia.